



KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA (PKPMP)

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam pengkhususan seperti dibawah bagi menyertai sebut harga berikut:

BIL.	NO. / TAJUK SEBUT HARGA	KELAS PENDAFTARAN	TARIKH PELAWA/ TARIKH PENGAMBILAN DOKUMEN	TARIKH, MASA DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK / TAKLIMAT / HARGA DOKUMEN	TARIKH, MASA DAN TEMPAT TUTUP PELAWAAN
1.	PKPMP(02)(SH)01/2018 Kerja-Kerja Penubuhan Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Di Mahkamah Kuching, Sarawak	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Gred G1 Kategori B, Pengkhususan B24	15 Februari 2018 (Khamis) / 20 Februari 2018 (Selasa) Bertempat di: Bahagian Pentadbiran, Aras 1 Kompleks Mahkamah Kuching, Jalan Gresik Petra Jaya 93050 Kuching, Sarawak (Penyebut harga boleh mendapatkan dokumen tawaran semasa menghadiri lawatan tapak/ taklimat pada 20 Februari 2018. Hanya penyebut harga yang menghadiri taklimat layak mendapat dokumen tawaran)	20 Februari 2018 (Selasa) Pendaftaran : 9.00 – 10.00 pagi Taklimat : 10.00 pagi (DIWAJIBKAN) Bertempat di: Bahagian Pentadbiran, Aras 1 Kompleks Mahkamah Kuching, Jalan Gresik Petra Jaya 93050 Kuching, Sarawak	27 Februari 2018 (Selasa) 12.00 tengahari Bertempat di: Bahagian Pentadbiran, Aras 1 Kompleks Mahkamah Kuching, Jalan Gresik Petra Jaya 93050 Kuching, Sarawak

1. Penyebut harga adalah **DIWAJIBKAN** menyertai lawatan tapak/ taklimat yang akan diadakan pada **20 Februari 2018 (Selasa)** bertempat di **Bahagian Pentadbiran, Aras 1 Kompleks Mahkamah Kuching, Jalan Gresik Petra Jaya 93050 Kuching, Sarawak**. Penyebut harga yang tidak menghadiri lawatan tapak dan taklimat **TIDAK LAYAK** untuk menyertai Sebutharga. Paparan iklan boleh dilihat di **Portal Rasmi Pejabat Ketua Pendaftar dan MYPROCUREMENT** pada **15 Februari 2018 (Khamis)** jam 12.00 tengahari.
2. Individu yang menghadiri lawatan tapak/ taklimat **hendaklah** terdiri daripada **penama** sepertimana tercatat di dalam **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA, UPKJ** atau bagi pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan hanya **penama** di **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat sahaja**. Maksimum **dua (2) orang** wakil bagi setiap syarikat.
3. Penyebut harga adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri lawatan tapak/ taklimat dengan membawa bersama **Cop Syarikat, Sijil Asal dan Salinan CIDB**, (salinan tidak akan dikembalikan). Kegagalan Penyebut harga menghadiri lawatan tapak/ taklimat tersebut boleh mengakibatkan Cadangan Penyebut harga tidak layak dipertimbangkan dan akan **DITOLAK. KELEWATAN** Penyebut harga menghadiri lawatan tapak/ taklimat juga boleh menyebabkan Penyebut harga **GAGAL** menyertai Sebutharga. Penyebut harga hendaklah berdaftar dalam gred yang dinyatakan di atas dengan CIDB dan sijil tersebut masih dalam tempoh sah laku.
4. Dokumen Sebutharga **ASAL** yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan **Tajuk dan No. Sebutharga** pada sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga **pada atau sebelum 27 Februari 2018 (Selasa) jam 12.00 tengahari**, di alamat:

Bahagian Pentadbiran, Aras 1
Kompleks Mahkamah Kuching, Jalan Gresik Petra Jaya
93050 Kuching, Sarawak
5. Penyebut harga yang lewat menghantar Dokumen Sebutharga **ASAL** seperti mana arahan Sebutharga tidak akan dipertimbangkan.
6. Kerajaan Malaysia tidak terikat untuk menerima Sebutharga dengan harga yang terendah atau mana-mana Sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebutharga. Keputusan Lembaga Perolehan Sebutharga adalah muktamad.